

Media Title : Utusan Borneo (Sarawak)
Headline : Untung pracukai Cypark kepada RM50.87 juta
Date : 2 January 2016
Page : 13
Size : 13.9x9.4



Untung pracukai Cypark naik kepada RM50.87 juta

KUALA LUMPUR: Keuntungan sebelum cukai Cypark Resources Bhd bagi tahun kewangan 2015 berakhir pada 31 Oktober lepas, meningkat kepada RM50.87 juta daripada RM43 juta pada tahun 2014.

Pendapatannya turut menokok kepada RM251.85 juta daripada RM238.80 juta, sebelum ini.

Keuntungan pracukai kumpulan itu bagi suku keempat meningkat sebanyak 34.0 peratus kepada RM10.5 juta daripada RM7.8 juta manakala pendapatannya naik 12.7 peratus kepada RM55.7 juta daripada RM49.5 juta, sebelum ini.

Dalam satu kenyataan kelmarin, pemaju tenaga boleh diperbaharui serta penyedia penyelesaian kejuruteraan hijau itu menyifatkan prestasi lebih baik itu adalah disumbang aktiviti Fasa Kedua projek kejuruteraan alam sekitar di Ladang Tanah Merah yang sudah dimulakan pada suku semasa.

Cypark berkata, pendapatannya bagi segmen kejuruteraan alam sekitar itu naik secara ketara hasil peningkatan pelaksanaan aktiviti Fasa Kedua projek kejuruteraan berkenaan.

Keuntungan sebelum cukai pada suku semasa pula

meningkat sebanyak 68.3 peratus hasil peningkatan pendapatan serta penurunan kos kewangan.

Pendapatan sebelum cukai bagi suku semasa naik sebanyak 68.3 peratus kepada RM8.7 juta daripada RM5.2 juta tahun 2014.

Pendapatan bagi segmen tenaga boleh diperharui syarikat kumpulan itu turut meningkat sebanyak 8.2 peratus kepada RM8.8 juta pada suku keempat daripada RM8.2 juta tahun 2014 dengan kapasiti eksport tenaga hijauanya bertambah kepada 30.3 MegaWatt (MW) berbanding 29.3 MW, sebelum ini. — Bernama